



Headline: Sindiket guna nombor IPK
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 19 June 2018

Language: Malay
Section: Isu
Page: 14

PENIPUAN MACAU SCAM BERLELUASA

Sindiket guna nombor IPK

➔ Ramai terpedaya tindakan licik sindiket menyamar penguat kuasa

Oleh Hasbi Sidek dan Nurul Hidayah Bahaudin
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Kejadian penipuan didalangi sindiket Macau Scam masih berleluasa dan menyebabkan ramai mangsa diperdaya 'penyangak siber' yang licik menyamar sebagai penguat kuasa pelbagai agensi kerajaan, terutama pegawai polis.

Menyedari perkara itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui laman Facebook rasminya, Polis Diraja Malaysia (Royal Malaysia Police), meminta orang ramai lebih berhati-hati dengan sebarang penyamaran oleh sindiket yang menggunakan nama agensi itu.

Perlu waspada

Menurut kenyataan itu, sindiket menggunakan taktik lebih licik apabila menggunakan nombor telefon yang sama dengan nombor mana-mana ibu pejabat polis.

"Orang ramai dinasihatkan berwaspada terhadap kegiatan Macau Scam yang menelefon dengan menyamar sebagai pegawai polis bagi menipu mangsa.

"Sindiket terbabit dikesan menggunakan nombor telefon yang sama dengan nombor Ibu Pejabat Polis Bukit Aman atau Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri untuk memperdaya orang ramai," katanya ke-

nyataan itu.

Menurutnya, sindiket akan membuat panggilan menggunakan teknologi *voice over internet protocol* (VOIP) dan mengatakan mangsa terbabit dalam sindiket terancang dan kegiatan pengubahan wang haram.

"Mangsa yang panik dan takut akan mengikut segala arahan suspek yang disangka pegawai polis, termasuk meminudahkan wang ke dalam akaun ditetapkan suspek.

"Sehubungan itu, orang ramai juga diingatkan tidak memberikan butir peribadi akaun mereka, termasuk kata laluan dan nombor kad bank kepada pihak lain atas apa-apa alasan," katanya.

Jangan terpedaya

Sementara itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati dan tidak terpedaya jika me-

nerima panggilan telefon meragukan mendakwa daripada suruhanjaya itu.

SPRM menerusi satu kenyataan berkata, panggilan telefon berkenaan dikhuatiri panggilan palsu yang meminta beberapa maklumat peribadi, termasuk butiran sulit.

"Ini susulan banyak aduan diterima SPRM daripada mangsa yang terpedaya dengan panggilan palsu berkenaan kebelakangan ini.

"Orang ramai yang menerima panggilan meragukan ini, dinasihat mendapatkan pengesahan daripada mana-mana pejabat SPRM terdekat menerusi talian dan alamat yang dipaparkan pada portal rasmi www.sprm.gov.my.

"SPRM juga akan membuat laporan polis dan berharap Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menyiasat panggilan palsu ini yang menjejaskan nama dan reputasi SPRM," katanya.